

07 AUG 2001

Agong-Arroyo

KEAMANAN DI SELATAN FILIPINA AKAN UNTUNGAN RANTAU, TITAH AGONG

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Keamanan dan keharmonian di selatan Filipina akan membantu mengembalikan pelaburan sektor swasta yang sangat diperlukan untuk membangunkan rantau, titah Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah malam ini.

Agong bertitah dengan adanya keamanan, pembangunan di rantau boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan dan cekap.

"Dalam hal ini, Malaysia akan terus bekerjasama dengan Filipina dalam mewujudkan keamanan di Mindanao dan juga memastikan kejayaan program-program kerjasama di bawah Kawasan Pertumbuhan Asean Timur-Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina (BIMP-EAGA)," katanya.

Sultan Salahuddin bertitah demikian dalam majlis santapan malam untuk meraikan Presiden Filipina Gloria Macapagal-Arroyo di Istana Negara, di sini. Arroyo memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia bermula hari ini.

Turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan anggota-anggota Kabinet.

Suami kepada presiden itu, Jose Miguel Arroyo juga menghadiri majlis santapan itu.

Sultan Salahuddin bertitah selaras dengan hubungan dua hala yang lebih baik, nilai perdagangan antara Malaysia dan Filipina telah meningkat daripada lebih kurang US\$1.5 bilion pada 1996 kepada US\$3 bilion pada 2000. (US\$1=RM3.8)

Malaysia dan Filipina, kata Agong telah membentuk suruhanjaya bersama sebagai satu mekanisme untuk menjalankan pelbagai program untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala mereka dan kerjasama.

"Kami berharap kedua-dua negara akan terus berusaha bagi hubungan lebih akrab di kalangan pemimpin dan penduduk di semua peringkat," katanya.

Mengenai globalisasi, Sultan Salahuddin bertitah proses itu boleh membawa pelbagai manfaat tetapi pada masa yang sama ia telah menunjukkan pelbagai kesan negatif yang boleh menjejaskan atau menggugat kebebasan dan kedaulatan beberapa negara.

"Menyedari hakikat ini, kami dengan ikhlas berharap yang Malaysia dan Filipina akan terus bekerjasama bersama anggota-anggota Asean yang lain dalam menghadapi cabaran ini," kata beliau.

Arroyo pula dalam ucapannya memuji Malaysia khasnya Dr Mahathir kerana sokongan yang ditunjukkannya dalam proses keamanan di selatan Filipina.

Beliau berkata rundingan antara Manila dan Barisan Pembebasan Islam Moro yang diatur oleh Kuala Lumpur mempunyai impak signifikan dalam mencari keamanan di rantau.

"Kami mengiktiraf sumbangan Malaysia kepada proses keamanan Mindanao selaras dengan pendirian Dr Mahathir bahawa 'tiada pertempuran, tiada pemisahan' yang juga selaras dengan kedaulatan dan proses perlembagaan negara kami," katanya.

Arroyo juga menyatakan harapannya yang Malaysia sekali lagi akan memainkan peranan utama dalam proses pembangunan selatan Filipina.

Arroyo juga berkata terdapat potensi pelaburan yang besar khasnya dalam sektor perladangan kelapa sawit dengan Filipina bercadang membuka ladang kelapa sawit seluas 160,000 hektar.

Satu lagi bidang yang boleh menarik minat, kata beliau, ialah projek

paip gas antara Syarikat Petroleum Kebangsaan Filipina dan Petronas di Malaysia.

Selain itu, presiden itu juga mengucapkan terima kasih kepada Menteri Budaya, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir kerana menandatangani perjanjian pelancongan bagi pihak kerajaan Malaysia, satu perjanjian pelancongan yang akan membolehkan kedua-dua negara saling mempromosi destinasi masing-masing di pasaran pelancong antarabangsa melalui program-program pelancongan bersama.

-- BERNAMA

MHI MAM PR